

SIRI YAKIN BOLEH, MALAYSIA BOLEH!

YAKIN BOLEH, MALAYSIA BOLEH!




Mohamad Ismail Ahmad

Editor:

**Siti Zawiyah Zakaria
Ahmad Hj Abu**

PENERBIT MIKAMAS



Yakin boleh, Malaysia boleh!

YAKIN BOLEH, MALAYSIA BOLEH!

PENGENALAN

Seperti ada sesuatu azimat kepada rakyat Malaysia apabila mendengar lagu Yakin Boleh. Suara ini bergema untuk menambah keyakinan kepada seluruh rakyat Malaysia untuk mencapai matlamat dalam apa juga bidang. Semoga cabaran yang datang dapat dihadapi dengan tabah, kuat, dan bersatu.

Seperti kebanyakan perkara, apabila sesuatu dilakukan dengan bersungguh-sungguh maka hasilnya akan beroleh kejayaan. Apa sahaja yang dilakukan tanpa kerelaan dan kemahuan yang kuat pasti akan membawa kegagalan.

Justeru itu, rakyat Malaysia kini yakin bahawa mereka telah menetapkan matlamat yang tepat dan yakin dengan apa yang dilakukan. Cabaran yang datang dijadikan sebagai landasan untuk mencapai kejayaan. Keyakinan ini semakin padu dengan adanya pemimpin-pemimpin negara yang turut berpadu tenaga dalam menjaya wawasan negara.

KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN

Walaupun ada yang menafikan kebolehan Malaysia untuk membina sebuah negara maju. Namun suara-suara sumbang itu tidak pernah diperdulikan oleh pemimpin-pemimpin negara. Suara itu dianggap sebagai cabaran yang mesti ditempo



Setelah 40 tahun mencapai kemerdekaan, kejayaan demi kejayaan banyak dicapai.

tanpa mengurangkan usaha dan kemahuan kita untuk menjadi sebuah negara yang maju.

Keinginan kita untuk membina negara Malaysia yang maju sama seperti negara-negara lain di dunia rupa-rupanya telah membawa cabaran yang paling hebat. Bukan sedikit cabaran yang terpaksa dihadapi, ia umpama satu pengorbanan yang terpaksa dipikul oleh rakyat, pemimpin, dan negara.

Cabaran demi cabaran yang dilalui rupa-rupanya tidak mengecewakan. Walaupun rintangnya sukar dan getir tetapi imbuhanannya cukup membanggakan. Ini jelas terbukti dengan kejayaan demi kejayaan yang kini dinikmati oleh rakyat. Keharmonian dan semangat setia kawan telah membina satu benteng yang sukar digugat oleh orang luar.

PEMBINAAN JAMBATAN PULAU PINANG

Apabila ura-ura kerajaan untuk membina jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Prai, pelbagai kritikan dan cemuhan yang dibuat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pelbagai implikasi diketengahkan dengan sebab-sebab yang sukar diterima oleh kerajaan. Suara ejekan dan sindiran juga bukan sedikit.

Tetapi dengan sikap tabah dan keyakinan yang teguh, maka terbinalah jambatan yang merupakan satu daripada mercu kejayaan negara. Pada masa itu, ramai orang yang mula memberikan pujian dan tahniah atas kejayaan tersebut. Malah orang yang pernah mencemuh juga turut melalui jambatan yang dibina itu.

Sikap manusia yang sering mengkritik tanpa memikirkan sesuatu sebenarnya bukanlah sikap yang baik. Sikap begini akan menghancurkan sebuah negara malah akan menjahanamkannya sekali. Teguran ini kadangkala bukan lahir daripada sikap prihatin tetapi rasa iri hati dan dengki dengan kelebihan dan kebolehan yang dimiliki oleh orang lain.

LANGKAWI PULAU LAGENDA

Langkawi pernah di letakkan sebagai sebuah pulau yang tidak mendatangkan apa-apa hasil ekonomi kepada negara. Malah apabila kerajaan ingin menjadikan Langkawi sebagai sebuah pulau bebas cukai, ada yang tersenyum simpul mengenangkan keajiban yang dirancangan. Mungkin mereka menafikan akan munculnya sebuah pulau yang dahulu disingkirkan kerana sumpahan Mahsuri yang penuh dengan legenda itu.

Ramai yang menolak kemungkinan Pulau Langkawi yang mundur dari pelbagai aspek akan maju seperti pulau-pulau lain. Tetapi pihak yang berinovasi tinggi melihatnya daripada satu sudut yang tidak dilihat oleh orang lain. Dengan keyakinan dan kerja kuat juga akhirnya Pulau Langkawi menjadi sebuah pulau bebas cukai.



Keindahan Pulau Langkawi menarik ramai pelancong asing.